

**ANALISIS LAKUAN BAHASA *TAHNIAH* DALAM
BAHASA MELAYU DI FACEBOOK**

NUR HAMIMAH BINTI MUHAMMAD IRAHIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

ANALISIS LAKUAN BAHASA *TAHNIAH* DALAM BAHASA MELAYU DI FACEBOOK

oleh

NUR HAMIMAH BINTI MUHAMMAD IRAHIM

**Tesis ini diserahkan untuk
nemenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Disember 2022

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi Yang Maha Berkuasa kerana dengan limpah dan izin-Nya, telah memberi petunjuk, ilham serta kekuatan kepada saya bagi menyempurnakan tesis sarjana saya ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada penyelia saya, Dr. Norsofiah Abu Bakar yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya bagi menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia kedua saya, Dr. Radiah Yusoff yang memberikan tunjuk ajar dan komen yang berguna sepanjang penyelidikan saya. Galakan daripada beliau telah memberikan suntikan semangan kepada saya untuk menumpukan perhatian kepada kerja tesis ini agar dapat dikendalikan dengan sempurna. Selain itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada bekas pensyarah Universiti Sains Malaysia yang telah mendidik saya sepanjang program Ijazah Sarjana Muda yang lepas sama ada secara langsung, ataupun tidak langsung. Saya juga ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli keluarga saya, khususnya ibu bapa saya yang banyak membantu saya dalam penyelidikan ini sama ada dari segi kewangan, semangat dan bimbingan. Tidak lupa juga penghargaan kepada adik-beradik saya yang telah membantu saya menyempurnakan tesis sarjana ini dengan sokongan moral dan fizikal.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH.....	x
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xiii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Persoalan Kajian.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	10
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian.....	11
1.7 Organisasi Kajian	11
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Kajian Ucapan Tahniah.....	13
2.1.1 Kajian ucapan <i>tahniah</i> secara bersemuka	13
2.1.2 Kajian ucapan <i>tahniah</i> dalam kandungan skrip filem.....	18
2.1.3 Kajian ucapan <i>tahniah</i> yang menggunakan <i>Facebook</i>	19
2.2 Kajian Lakuan Bahsa	21
2.2.1 Kajian lakuan bahasa secara bersemuka	22
2.2.2 Kajian lakuan bahasa dalam teks	25
2.2.3 Kajian lakuan bahasa dalam media sosial	31
2.3 Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS ... 35

3.1	Reka bentuk kajian	35
3.2	Sumber data.....	36
3.3	Prosedur pengumpulan data	36
3.3.1	Pemerhatian.....	36
3.3.2	Temu bual.....	40
3.4	Analisis data	45
3.4.1	Analisis kualitatif	46
3.5	Kerangka teoretis	47
3.6	Kesimpulan	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN..... 54

4.1	Dapatan keseluruhan	54
4.2	Analisis lakuan bahasa	58
4.2.1	Lakuan bahasa ekspresif	58
4.2.1(a)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i>	59
4.2.1(b)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa ekspresif ‘syukur’	62
4.2.1(c)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa ekspresif ‘terima kasih’	64
4.2.1(d)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa ekspresif ‘pujian’.....	65
4.2.1(e)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa ekspresif ‘maaf’	68
4.2.2	Gabungan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dengan lakuan bahasa representatif	71
4.2.2(a)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa representatif ‘gurauan’.....	72
4.2.3	Gabungan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dengan lakuan bahasa direktif	75
4.2.3(a)	Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa direktif ‘selamat’.....	75

4.2.3(b) Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa direktif ‘doa’	78
4.2.3(c) Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa direktif ‘soalan’	80
4.2.3(d) Lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> + Lakuan bahasa direktif ‘nasihat’	82
4.3 Kesimpulan	85
BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN.....	87
5.1 Dapatan data demografi	87
5.2 Dapatan kajian.....	88
5.2.1 Dapatan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i>	89
5.2.2 Huraian kata <i>tahniah</i> dalam analisis Searle (1976).....	93
5.2.3 Dapatan gabungan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dengan lakuan bahasa ekspresif lain.....	96
5.2.4 Dapatan gabungan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dengan lakuan bahasa representatif	100
5.2.5 Dapatan gabungan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dengan lakuan bahasa direktif	102
5.3 Kolokasi kata <i>tahniah</i>	105
5.4 Kesimpulan	107
BAB 6 RUMUSAN DAN CADANGAN	109
6.1 Pendahuluan	109
6.2 Rumusan kajian.....	109
6.3 Limitasi kajian.....	113
6.4 Cadangan kajian	113
SENARAI RUJUKAN	115

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Contoh binaan ayat dalam bentuk cakap ajuk kata <i>tahniah</i> di Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka.....
	2
Jadual 1.2	Contoh ucapan <i>tahniah</i> di <i>Facebook</i>
	8
Jadual 1.3	Contoh ucapan <i>tahniah</i> yang berkolokasi dengan frasa preposisi dalam korpus Dewan Bahasa dan Pustaka.....
	9
Jadual 2.1	Contoh situasi gembira
	14
Jadual 2.2	Contoh ungkapan respons dalam kajian Elwood (2004)
	15
Jadual 2.3	Contoh ungkapan respons dalam kajian Elwood (2004)
	15
Jadual 2.4	Contoh ungkapan respons dalam kajian Allami dan Nekouzadeh....
	17
Jadual 2.5	Contoh ungkapan respons dalam kajian Pishghadam dan Morady Moghaddam (2011).....
	18
Jadual 2.6	Contoh ungkapan respons dalam kajian Jahangard (2016).....
	20
Jadual 2.7	Contoh ungkapan respons dalam kajian Mahzari (2017).....
	20
Jadual 2.8	Contoh ungkapan lakuan bahasa dalam kajian Amir dan Zaitul Azma (2015)
	22
Jadual 2.9	Contoh ungkapan lakuan ilokusi dan fungsinya dalam kajian Muhammad Zuhair (2017)
	24
Jadual 2.10	Contoh ungkapan lakuan ilokusi dan fungsinya dalam kajian Muhammad Zuhair (2017)
	25
Jadual 2.11	Contoh ungkapan lakuan pertuturan dalam kajian Abd Ganing (2018)
	26
Jadual 2.12	Contoh ungkapan lakuan pertuturan dalam kajian Abd Ganing (2018)
	26
Jadual 2.13	Contoh ungkapan lakuan pertuturan dalam kajian Abd Ganing (2018)
	27

Jadual 2.14	Contoh ungkapan lakuan bahasa dalam kajian Nurul Syuhada dan Maslida (2019)	29
Jadual 2.15	Contoh ungkapan lakuan pertuturan dalam kajian Aminnudin (2021).....	30
Jadual 2.16	Contoh ungkapan lakuan pertuturan dalam kajian Aminnudin (2021).....	31
Jadual 2.17	Contoh ungkapan lakuan tutur dalam kajian Maslida dan Karim (2015).....	32
Jadual 2.18	Contoh ungkapan lakuan tutur dalam kajian Maslida dan Karim (2015).....	32
Jadual 3.1	Contoh jadual pengumpulan data.....	39
Jadual 3.2	Contoh kata kerja dalam kategori lakuan bahasa Searle (1976)	51
Jadual 4.1	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dalam peristiwa graduasi	59
Jadual 4.2	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dalam peristiwa kejayaan dalam pekerjaan	60
Jadual 4.3	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘syukur’ dalam peristiwa pertunangan.....	62
Jadual 4.4	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘syukur’ dalam peristiwa pertunangan.....	63
Jadual 4.5	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘terima kasih’ dalam peristiwa kelahiran bayi	64
Jadual 4.6	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘pujian’ dalam peristiwa kelahiran bayi.....	65

Jadual 4.7	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘pujian’ dalam peristiwa pertunangan.....	66
Jadual 4.8	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘pujian’ dalam peristiwa sukan	67
Jadual 4.9	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘maaf’ dalam peristiwa perkahwinan.....	69
Jadual 4.10	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘maaf’ dalam peristiwa perkahwinan.....	70
Jadual 4.11	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa ekspresif ‘maaf’ dalam peristiwa graduasi	70
Jadual 4.12	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa representatif ‘gurauan’ dalam peristiwa pertunangan.....	73
Jadual 4.13	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa representatif ‘gurauan’ dalam peristiwa perkahwinan	74
Jadual 4.14	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa representatif ‘selamat’ dalam peristiwa kelahiran bayi.....	76
Jadual 4.15	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan lakuan bahasa representatif ‘selamat’ dalam peristiwa perkahwinan	77
Jadual 4.16	Kiriman status dan komen menggunakan lakuan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘doa’ dalam peristiwa kejayaan dalam pelajaran	79

Jadual 4.17	Kiriman status dan komen menggunakan lakuhan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘doa’ dalam peristiwa perkahwinan	80
Jadual 4.18	Kiriman status dan komen menggunakan lakuhan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘soalan’ dalam peristiwa kejayaan dalam pelajaran.....	81
Jadual 4.19	Kiriman status dan komen menggunakan lakuhan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘soalan’ dalam peristiwa kelahiran bayi.....	82
Jadual 4.20	Kiriman status dan komen menggunakan lakuhan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘nasihat’ dalam peristiwa kejayaan dalam pelajaran.....	83
Jadual 4.21	Kiriman status dan komen menggunakan lakuhan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘nasihat’ dalam peristiwa perkahwinan.....	84
Jadual 4.22	Kiriman status dan komen menggunakan lakuhan bahasa ekspresif <i>tahniah</i> dan direktif ‘nasihat’ dalam peristiwa kejayaan dalam pelajaran	84

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Contoh situasi gembira (Sumber: Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1613) 16
Rajah 3.1	Rajah pohon transformasi kata kerja gerundif dalam lakuan bahasa ekspresif (Searle, 1976: 18) 50
Rajah 3.2	Bentuk lakuan bahasa Searle (1976: 10-16) 51
Rajah 4.1	Bilangan penggunaan lakuan bahasa dalam interaksi ucapan <i>tahniah</i> 54
Rajah 4.2	Interaksi ucapan <i>tahniah</i> mengikut peristiwa 57
Rajah 5.1	Tangkapan skrin (<i>screenshot</i>) ucapan <i>tahniah</i> oleh pengguna <i>Facebook Melayu</i> 90
Rajah 5.2	Tangkapan skrin (<i>screenshot</i>) ucapan <i>tahniah</i> oleh pengguna <i>Facebook Melayu</i> 92
Rajah 5.3	Rajah pohon kata kerja gerundif dalam lakuan bahasa <i>tahniah</i> 94

ANALISIS LAKUAN BAHASA *TAHNIAH* DALAM BAHASA MELAYU DI *FACEBOOK*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis lakuan bahasa *tahniah* dalam ruangan komen dalam bahasa Melayu oleh pengguna *Facebook* Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan ungkapan yang diekspresikan sebagai lakuan bahasa *tahniah* dalam ruangan komen dalam bahasa Melayu di *Facebook*. Kajian ini telah menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1976) secara teoretis untuk membincangkan lakuan bahasa *tahniah* oleh pengguna *Facebook* Melayu. Pemilihan utama kajian ini tertumpu kepada medium komunikasi *Facebook* kerana *Facebook* merupakan media sosial yang digunakan oleh pemilik akaun untuk berkongsi kegembiraan dan maklumat secara umum. Dari aspek metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan etnografi dalam talian yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian menunjukkan generalisasi kecenderungan pengguna *Facebook* Melayu yang menggunakan kata *tahniah* sebagai tindakan semula jadi setiap penutur terhadap sesuatu berita atau peristiwa gembira. Ungkapan kata *tahniah* yang hadir dalam setiap ungkapan respons menunjukkan bahawa setiap perkongsian ucapan *tahniah* atau peristiwa gembira mesti didahulukan dengan mengucapkan kata *tahniah* dalam kalangan orang Melayu termasuklah pengguna *Facebook*. Pengguna *Facebook* Melayu menggunakan kolokasi kata *tahniah* dengan ucapan-ucapan yang lain, misalnya doa, nasihat, gurauan dan sebagainya. Kolokasi ucapan *tahniah* dikategorikan kepada bentuk-bentuk gabungan lakuan bahasa, iaitu gabungan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa ekspresif yang lain, gabungan lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa representatif dan gabungan

lakuan bahasa ekspresif dengan lakuan bahasa direktif. Oleh itu, kajian ini mengemukakan analisis lakuan bahasa ucapan *tahniah* berdasarkan adaptasi teori lakuan bahasa Searle (1976) dengan sokongan interpretasi pengguna *Facebook* Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gabungan lakuan bahasa yang digunakan telah berfungsi sebagai alat komunikasi seperti pemula komunikasi antara pengguna *Facebook* Melayu.

A SPEECH ACT'S ANALYSIS ON MALAY LANGUAGE

CONGRATULATORY IN FACEBOOK

ABSTRACT

This study aims to analyze the behavior of congratulatory speech acts in the comment section in Malay by Malay *Facebook* users. The objective of this study was to identify and describe the expressions that expressed as congratulatory speech acts in the comment section in Malay on *Facebook*. This study has used Searle's (1976) speech acts theory theoretically to discuss congratulatory speech acts by Malay *Facebook* users. The main selection of this study focused on *Facebook* communication medium because *Facebook* is a social media that used by account owners to share joy and information in general. From a methodological aspect, this study uses an online ethnographic approach that uses observation and interview methods. The results showed a generalization of the tendency of Malay *Facebook* users who use the word congratulations as a natural action of each speaker towards a news or happy event. The words of congratulations present in each response expression indicate that every sharing of congratulations or happy events must be preceded by saying congratulations among Malays including *Facebook* users. Malay *Facebook* users used the collocation of congratulatory words with other greetings, such as prayers, advice, jokes and so on. Congratulations collocations are categorized into forms of combined speech acts, such as combinations of expressive speech acts with other expressive speech acts, combinations of expressive speech acts with representative speech acts and combinations of expressive speech acts with directive speech acts. Therefore, this study presents an analysis of congratulatory speech acts based on the adaptation of

Searle's (1976) speech acts theory with the support of Malay *Facebook* users' interpretation. The findings of the study show that the combination of speech acts used has served as a communication tool such as the initiator of communication between Malay *Facebook* users.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Ucapan *tahniah* merupakan ujaran yang disampaikan kepada seseorang yang memperoleh kejayaan. Lazimnya, dalam kejadian atau hal yang melibatkan perkahwinan, konvokesyen, memperoleh cahaya mata, memenangi sesuatu pertandingan dan kejadian-kejadian lain yang menggambarkan kegembiraan ujaran *tahniah* sering diujarkan. Walaupun hanya sekadar kata ‘*tahniah*’, perkataan tersebut bermakna kepada pendengar atau pembaca. Kata-kata *tahniah* ini memberikan semangat kepada pendengar atau pembaca. Kata *tahniah* juga merupakan salah satu faktor membolehkan perhubungan yang baik dibina oleh seseorang dengan orang lain (Ahmad Ramadan, 2015). Jika seseorang itu tidak mengucapkan *tahniah*, dikatakan bahawa orang itu cemburu atau sompong (Ahmad Ramadan, 2015). Kata *tahniah* ini bukanlah sekadar ekspresi, akan tetapi mempunyai maksud tersendiri terutamanya kepada penerima ucapan tersebut.

Kajian berkenaan dengan *tahniah* ini telah banyak dikaji. Pandangan sarjana tentang lakuhan *tahniah* berbeza mengikut latar belakang atau konteks dan penutur sesuatu bahasa. Al-Shboul dan Fathi Huwari (2016) menyatakan bahawa penutur Jordan mengucapkan *tahniah* sebagai ucapan selamat dan ungkapan kegembiraan. Walau bagaimanapun, ucapan *tahniah* yang diujarkan oleh penutur Jordan ini tidak sejajar dengan penutur bahasa lain. Kajian Allami dan Nekouzadeh (2011) menunjukkan bahawa kebanyakan orang Iran mengucapkan kata *tahniah* dengan cara memberikan hadiah, memuji dengan berlebih-lebihan dan memberikan penanda identiti dalam kumpulan. Kedua-dua penutur bahasa ini tetap mengujarkan ucapan

tahniah, akan tetapi dapatan kajian daripada sarjana tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari aspek tujuan ucapan *tahniah* tersebut diujarkan.

Ekoran persamaan dan perbezaan ucapan *tahniah* dalam dua kajian tersebut yang melibatkan komuniti penutur yang berbeza, maka kajian ini cuba meneliti strategi ucapan *tahniah* dalam konteks pengguna bahasa Melayu. Jika ditelusuri kata ‘*tahniah*’ di Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, ditemui beberapa contoh binaan ayat dalam bentuk cakap ajuk.

Jadual 1.1 Contoh binaan ayat dalam bentuk cakap ajuk kata ‘*tahniah*’ di Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka

- | |
|---|
| (1) (a) “Saya mengucapkan tahniah kepada semua guru SKTTDI yang bertungkus-lumus berusaha bagi mencapai kejayaan ini.”
(b) “Tahniah, sahabatku.”
(c) “Wah, balik kampung dah ada tunang, tahniah ya, Tari.” |
|---|

Contoh ayat (1a) hingga (1c) menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk ujaran ucapan *tahniah*. Kepelbagaiannya bentuk ujaran *tahniah* perlu diteliti dengan lebih tuntas secara ilmiah berdasarkan data kajian yang komprehensif dan memaparkan lakukan *tahniah* oleh pengguna bahasa.

Sejajar dengan perkembangan digital kini, strategi ucapan *tahniah* dalam media sosial, yakni *Facebook* dipilih. Hal yang demikian kerana *Facebook* merupakan platform dalam talian yang memperlihatkan pelbagai bentuk ujaran *tahniah*. Di samping itu, *Facebook* merupakan alat komunikasi yang mempunyai ramai pengguna di seluruh dunia.

Bentuk komunikasi dalam rangkaian media sosial menunjukkan perbezaan berbanding bentuk komunikasi-komunikasi yang lain kerana terarah kepada khalayak yang besar tanpa bersemuka (Haslina, 2018). Keunikan komunikasi tanpa bersemuka ini menjadikan kajian bentuk interaksi tanpa bersemuka ini berkembang dengan

pantas (Meredith & Stokoe, 2014), termasuk kajian wacana forum internet (Brown, 2009) dan analisis wacana kritis dalam kiriman *Facebook* (Rambe, 2012). *Facebook* yang diperkenalkan oleh Mark Zuckerberg pada tahun 2004 melibatkan tiga trajektori dalam komunikasi berbentuk asinkroni (*asynchronous*) dan kuasi-segerak (*quasi-synchronous*) (Meredith dan Stokoe, 2014). Trajektori pertama ialah peserta atau pengguna dalam interaksi asikroni tidak perlu berada dalam talian dalam masa yang sama kiriman (*post*) disiarkan kerana peserta boleh memberikan respons pada bila-bila masa sahaja (Meredith dan Stokoe, 2014). Hal ini bermaksud tiadakekangan masa untuk pengguna asikroni memberikan respons. Kajian-kajian berkaitan dengan interaksi asikroni ini termasuklah kajian berkaitan forum atas talian (Stommel, 2008) dan kajian ambil giliran (Gibson, 2009).

Trajektori kedua ialah cara peserta berinteraksi. Interaksi dalam rangkaian media sosial melibatkan interaksi antara peserta yang saling mengenali atau langsung tidak kenal peserta yang terlibat dalam komunikasi di kehidupan luar atas talian. Bentuk komunikasi ini berlaku dalam interaksi kuasi-segerak dan mempunyai persamaan dengan perbualan secara lisan kerana interaksi ini memerlukan respons segera dan kerap (Meredith and Stokoe, 2014). Interaksi kuasi-segerak ini boleh melibatkan lebih 1000 peserta yang berada di atas talian pada masa yang sama (Meredith and Stokoe, 2014). Kajian-kajian yang meneliti bentuk interaksi kuasi-segerak ini melibatkan kajian perbezaan ke atas sistem pertukaran-ujaran atas talian dengan perbualan (Garcia dan Jacobs, 1999) dan kajian ketekalan koheren dan kohesi dalam kepelbagaiannya interaksi (Greenfield dan Subrahmanyam, 2003). Hasil kajian berkaitan dengan interaksi ‘kuasi-segerak’ menunjukkan bahawa interaksi atas talian mempunyai persamaan dengan perbualan lisan (Meredith and Stokoe, 2014). Trajektori ketiga, kiriman dalam *Facebook* boleh ditulis pendek atau panjang, dan

mempunyai imej. Teks ringkas atau gambar yang hadir bersama-sama kapsyen akan berfungsi sebagai keterangan kepada kapsyen, huraian tentang isu yang spesifik dan mengekspersikan pandangan penulis (Orru, 2014). Berdasarkan huraian ini, dapat dikatakan bahawa *Facebook* merupakan platform gabungan asikronik dan kuasi-segerak serta bersifat multimodal.

Tujuan *Facebook* dicipta adalah untuk mencapai utiliti sosial yang dapat membantu manusia untuk berkomunikasi dengan lebih cekap dengan kenalan, keluarga dan rakan-rakan sekerja (Mauri et al., 2011). Menurut Mauri et al. (2011), tujuan *Facebook* sebagai rangkaian komunikasi digambarkan oleh tiga faktor, iaitu; (1) komunikasi (apa yang merujuk kepada perkara-perkara yang dilakukan oleh pengguna *Facebook*), (2) secara cekap (bagaimana cara mereka berinteraksi dan berkomunikasi), dan (3) kenalan, keluarga dan rakan sekerja (siapa yang terlibat dalam komunikasi). Berdasarkan ketiga-tiga faktor ini, *Facebook* sebagai media sosial membolehkan penggunanya saling berhubung dengan lebih pantas, mudah, murah dan melangkaui geografi (Mohd Khairuddin dan Mohamad Fauzi, 2014).

Rangkaian media sosial popular yang dijadikan platform komunikasi tanpa bersemuka ialah *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*. Namun begitu, *Facebook* merupakan salah satu media sosial yang popular dan berpengaruh di Malaysia (Mohd Zaidi dan Bahiyah, 2013). Di Malaysia, penggunaan *Facebook* adalah paling tinggi (82%) berbanding penggunaan media sosial *Twitter*, *Instagram* dan *YouTube* (<https://gs.statcounter.com/social-media-stats/all/malaysia>). Statistik penggunaan *Facebook* menunjukkan peningkatan sebanyak 4.1% dari bulan April 2019 hingga bulan Januari 2020 (<https://datareportal.com/reports/digital-2020-malaysia>). Statistik yang dikeluarkan oleh *Socialbakers* juga menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan ke-18 dunia pengguna *Facebook* paling banyak (Rusdi Rusli, 2013).

Peningkatan jumlah pengguna *Facebook* ini menunjukkan bahawa media sosial ini merupakan media yang dominan dalam komunikasi. Timbul persoalan mengapa *Facebook* boleh menjadi media sosial yang paling berpengaruh penggunaannya? Jainson (2008) mendapati bahawa *Facebook* memperlihatkan terdapat kepelbagaian penggunaan dan motivasi dalam berkomunikasi. Ramirez et al. (2002) pula mendapati bahawa berlaku kepelbagaian lakuan sosial dalam *Facebook*. Kepelbagaian aktiviti sosial ini termasuklah pengucapan tahniah yang akan dikaji.

Tahniah merupakan suatu bentuk ucapan yang lazimnya dilafazkan atas kejayaan seseorang (Kamus Dewan, 2007). Dari segi teori, Austin (1962) mengklasifikasikan ujaran tahniah sebagai satu bentuk performatif yang menekankan kelakuan dan perasaan yang diujarkan oleh orang pertama. Searle (1969) telah mengklasifikasikan ekspresi *tahniah* sebagai tindakan ilokusyenari di bawah kelas ekspresif. Searle (1969) mencirikan *tahniah* seperti berikut:

- (a) sesuatu peristiwa itu berkaitan dengan pendengar.
- (b) sesuatu peristiwa itu mempunyai kepentingan dengan pendengar dan penutur percaya bahawa pendengar minat dengan peristiwa tersebut.
- (c) penutur gembira dengan peristiwa tersebut.
- (d) ia termasuk sebagai ungkapan-ungkapan yang menggambarkan keseronokan.

Berdasarkan pencirian Searle (1969), peristiwa yang memungkinkan adanya ucapan *tahniah* mestilah mempunyai kaitan dengan pendengar. Walau bagaimanapun Wierzbicka (1987) mendakwa bahawa pendengar yang mengujarkan ucapan *tahniah* mesti merupakan sebahagian daripada peristiwa yang menggembirakan. Pada perspektif Wierzbicka (1987), penutur mengujarkan ucapan *tahniah* kerana penutur mahu pendengar tahu tentang perasaannya disebabkan oleh berlakunya peristiwa yang

menggembirakan. Bach dan Harnish (1979) mengelaskan lakuhan ucapan *tahniah* sebagai satu bentuk lakuhan pertuturan ilokusionari di bawah sublakuan pengakuan. Pada pandangan Bach dan Harnish (1969), ucapan *tahniah* merupakan satu lakuhan yang menunjukkan perasaan dan harapan yang boleh memuaskan hati pendengar. Leech (2014) pula berpandangan ucapan *tahniah* merupakan bentuk lakuhan yang santun dan sopan seperti lakuhan bahasa menyampaikan salam dan lakuhan menyampaikan takziah dan ujarannya tidak diperlu dikurangkan. Berikut dikemukakan contoh pengucapan *tahniah*.

- (2) *Congratulations! Well done.* (Leech, 2014: 98)

Contoh (2) memperlihatkan kata “*Congratulations*” dikaitkan dengan leksikal “*Well Done*”. Terdapatnya hubungan sintagmatik antara “*congratulations*” dan “*well done*”.

Walaupun ucapan *tahniah* ini disampaikan sebagai tanda ucapan seseorang atau perkongsian perasaan gembira atas kejayaan seseorang dan bersifat universal pengucapannya dalam semua bahasa dan budaya, namun begitu terdapat kepelbagaiannya pengucapan *tahniah* ini berdasarkan budaya bagi sesebuah kelompok masyarakat. *Facebook* sebagai platform yang menyediakan pelbagai saluran interaksi yang meliputi paparan video, perkongsian fail, berhubungan dan melakukan pelbagai aktiviti tanpa bersemuka menyediakan kebebasan kepada pengguna *Facebook* dan membentuk komuniti yang berkongsi minat yang sama (Mohd Khairuddin et al., 2014). Kepelbagaiannya aktiviti ini berkemungkinan membolehkan kepelbagaiannya cara pengucapan *tahniah* diteliti dan *Facebook* juga menawarkan kajian terhadap cara pengucapan *tahniah* diujarkan oleh sesuatu kelompok bahasa, tidak terkecuali bahasa Melayu. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan lakuhan bahasa dalam konteks

masyarakat Melayu kebanyakannya berfokus kepada lakuan permohonan (Mohammad Fadzeli et al., 2009), lakuan pertuturan dalam mesyuarat (Amir dan Zaitul Azma, 2015), lakuan meminta dan memberi nasihat (Arina dan Indrawati, 2016) dan lakuan teguran (Marlyna, 2011). Kajian-kajian ini memberikan sumbangan dalam memahami bentuk atau penanda linguistik bagi sesuatu lakuan yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam pelbagai konteks yang berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengkaji pengucapan *tahniah* dalam *Facebook* yang diujarkan oleh penutur Melayu.

1.2 Pernyataan masalah

Georgalou (2017) menyatakan bahawa *Facebook* merupakan satu platform maya yang membolehkan interaksi secara bertulis berlaku.

“*Facebook* is not a mere technology but a vibrant sociocultural arena which gives users unprecedented opportunities and affordances for self-presentation through the interplay of language and other semiotic means.” (Georgalou, 2017: 3)

Berdasarkan pernyataan Georgalou (2017), interaksi dalam *Facebook* mengkonstruksikan penggunaan pelbagai lakuan bahasa, penggunaan bahasa dan makna yang mungkin memerlukan pemahaman yang lebih mendalam. Sejajar dengan pernyataan ini juga, beberapa isu berkaitan dengan *Facebook* dan ucapan *tahniah* perlu diteliti.

Ucapan *tahniah* yang diekspresikan secara maya dalam *Facebook* pasti berbeza dengan ucapan tahniah secara bersemuka. Komunikasi dalam *Facebook* tidak melibatkan interaksi secara bersemuka dan terkandung pelbagai peristiwa gembira yang hanya dapat dilihat dan dibaca. Ucapan *tahniah* yang berlaku secara bersemuka seperti yang diutarakan oleh Amir dan Zaitul Azma (2015) adalah melalui

pengumuman dan disampaikan oleh orang yang dikenali adalah berbeza dengan ucapan *tahniah* dalam *Facebook*, maka fenomena tersebut dengan pendekatan pragmatik perlu ada penjelasannya. Tentunya ada pelbagai bentuk ungkapan yang digunakan dalam menyampaikan *tahniah* dalam platform tidak bersemuka dengan merujuk kepada konteks situasi atau peristiwa. Perkara-perkara ini juga dirasakan ada kaitan dengan bentuk lakuan bahasa dengan tindakan semula jadi penutur kerana ucapan tahniah memanifestasikan perasaan, keprihatinan dan simpati (Leech, 2014). Namun begitu, hal ini belum dikaji dalam kalangan pengguna *Facebook* Melayu dalam analisis yang menggunakan teori lakuan bahasa. Oleh itu, aspek pengajaran ucapan *tahniah* dalam *Facebook* dan kaitannya dengan lakuan bahasa memerlukan penelitian yang mendalam.

Satu perkara lain yang dapat dikaitkan dengan ucapan *tahniah* yang disampaikan oleh pengguna *Facebook* Melayu bahawa kelihatan ucapan *tahniah* dalam *Facebook* bukan sahaja diujarkan dengan kata *tahniah*, tetapi dikaitkan dengan leksikal lain. Berdasarkan pemerhatian awal dalam *Facebook*, didapati terdapatnya penggunaan perkataan-perkataan lain yang ada hubungan dengan kata *tahniah* seperti kata ‘syabas’, kata kesyukuran ‘Alhamdulillah’, kata pujian ‘terbaik’ dan sebagainya. Ungkapan *tahniah* dapat disampaikan tanpa mengambil kira sama ada orang yang menyampaikan ucapan itu saling mengenali atau tidak dan variasi ucapan *tahniah* disampaikan dengan begitu banyak sekali. Terdapat beberapa contoh ungkapan yang digunakan daripada hasil pemerhatian awal ke atas ucapan *tahniah* di *Facebook*.

Jadual 1.2 Contoh ucapan *tahniah* di *Facebook*

- | | |
|-----|---|
| (2) | (a) Tahniah, syabas.
(b) Alhamdulilah, tahniah semoga bahagia dan kekal hingga ke Jannah.
(c) Tahniah, rezeki.
(d) Terbaik, tahniah cikgu-cikgu. |
|-----|---|

Selain itu, wujud kepelbagaiannya corak ucapan *tahniah* merentas budaya. Kajian Kochovska (2013) yang meneliti surat-surat Cicero telah mendapati bahawa terdapat beberapa cara ucapan *tahniah* disampaikan, antaranya menggunakan perkataan ‘*tahniah*’ serta mengekspresikan kegembiraan dengan ujaran “*I am glad*” dan “*I am delighted*”. Kemungkinan ada corak-corak ucapan tahniah dalam masyarakat Melayu, misalnya ungkapan dalam korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang memperlihatkan kebanyakan kata *tahniah* berkolokasi dengan frasa preposisi ‘syabas’.

Jadual 1.3 Contoh ucapan *tahniah* yang berkolokasi dengan frasa preposisi dalam korpus Dewan Bahasa dan Pustaka

- | |
|---|
| (3) Tahniah dan syabas kepada Hanafi Mat. |
| (4) Tahniah dan syabas kepada Nazliah. |

Oleh itu, tentunya terdapat corak pengucapan *tahniah* tertentu yang diaplikasikan oleh penutur Melayu di *Facebook*. Setakat ini masih belum ada lagi mana-mana kajian yang mengkaji tentang ucapan *tahniah* dalam budaya masyarakat Melayu secara khusus, mahupun kajian ucapan *tahniah* yang menggunakan platform *Facebook* oleh penutur Melayu. Oleh hal yang demikian, secara lisannya, orang Melayu ter dorong untuk menggunakan ucapan *tahniah* yang berkolokasi dengan ucapan syukur, berterima kasih, meminta maaf dan sebagainya. Kajian ini memperlihatkan bahawa penutur Melayu yang juga merupakan pengguna *Facebook* telah mengadaptasikan ucapan lisan mereka ke dalam bentuk tulisan secara digital. Pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian yang menumpukan kajian ucapan *tahniah* dalam kalangan penutur Melayu yang berkolokasi dengan ucapan-ucapan lain yang membentuk beberapa jenis lakuan bahasa seperti yang disenaraikan dalam bidang pragmatik.

Kesukaran menentukan lakuan bahasa ucapan *tahniah* tanpa bersemuka yang dibentangkan sebagai permasalahan kajian serta cadangan penyelesaiannya diharapkan dapat mengisi kekosongan dalam kajian pragmatik bahasa Melayu.

1.3 Persoalan kajian

Kajian ini akan menjawab tiga persoalan kajian iaitu:

- (1) Apakah bentuk lakuan bahasa ucapan *tahniah* yang digunakan oleh pengguna *Facebook* Melayu apabila mengekspresikan perasaan terhadap peristiwa yang menggembirakan dalam bahasa Melayu di *Facebook*?
- (2) Apakah ungkapan lakuan bahasa ucapan *tahniah* yang digunakan oleh pengguna *Facebook* Melayu dalam bahasa Melayu di *Facebook*?
- (3) Bagaimanakah lakuan bahasa ucapan *tahniah* yang diaplikasikan oleh pengguna *Facebook* Melayu dalam bahasa Melayu di *Facebook* berdasarkan teori lakuan bahasa Searle (1976)?

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (1) menghuraikan ungkapan yang diekspresikan sebagai lakuan bahasa ucapan *tahniah* dalam ruangan komen dalam bahasa Melayu di *Facebook*.
- (2) membincangkan lakuan bahasa ucapan *tahniah* secara teoretis dengan menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969; 1976).

1.5 Batasan kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini akan memfokuskan kepada ucapan *tahniah* yang digunakan dalam media sosial *Facebook* yang dimuat naik dalam bahasa Melayu yang tidak menetapkan akaunnya kepada tetapan mod privasi. Ucapan *tahniah*

dibataskan kepada kiriman status dan komen yang dimuat naik berkaitan peristiwa yang menggembirakan seperti kejayaan dalam pelajaran, graduasi, perkahwinan, kelahiran cahaya mata, kenaikan pangkat dan peristiwa-peristiwa gembira yang lain. Dari segi metodologi, kajian ini dibataskan kepada pendekatan kualitatif dengan menggunakan pendekatan etnografi dalam talian dan analisis kandungan teks. Kajian ini menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969; 1976) bagi menganalisis bentuk lakuan bahasa dalam kalangan pengguna *Facebook* Melayu yang menggunakan lakuan bahasa ucapan *tahniah* dalam bahasa Melayu.

1.6 Kepentingan kajian

Pada akhir kajian ini, diharapkan hasil kajian ini akan menjadi input rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk membina pemahaman tentang lakuan bahasa ucapan *tahniah* dan mempromosikan kajian pragmatik dalam konteks bahasa Melayu.

Selain itu, dapatan kajian ini kelak diharapkan dapat dimanfaatkan oleh penyelidik linguistik akan datang yang mengkaji Penggunaan Bahasa Komunikasi Berasaskan Komputer (CMC) atau penggunaan bahasa dalam rangkaian sosial seperti *Twitter* dan *Instagram* yang pastinya berbeza dengan penggunaan bahasa secara bersemuka.

1.7 Organisasi kajian

Kajian ini dibahagikan kepada kepada enam bab. Keenam-enam bab ini akan menghuraikan kajian lakuan bahasa ucapan *tahniah* dalam media sosial di Malaysia. Kajian bermula dengan bab 1 merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif dan persoalan kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Dalam bab 2, tumpuan diberikan kepada tinjauan literatur. Seterusnya, bab 3

menghuraikan metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian, sumber data, prosedur pengumpulan data, analisis data dan kerangka teoretis, iaitu teori lakuhan bahasa Searle (1976). Bab 4 akan membentangkan dapatan kajian dan diikuti Bab 5 iaitu perbincangan dapatan kajian. Bab 6 merupakan bab penutup yang membentangkan dapatan keseluruhan kajian, rumusan kajian dan cadangan kajian pada masa akan datang.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Bab ini menyorot kajian lepas berkaitan dengan ucapan *tahniah* dan lakuhan bahasa. Tinjauan ucapan *tahniah* dan lakuhan bahasa merangkumi dapatan yang menggunakan data komunikasi secara bersemuka, kandungan teks dan media sosial. Tinjauan bermula dengan menyorot kajian ucapan tahniah dan diikuti dengan kajian lepas berkaitan lakuhan bahasa.

2.1 Kajian ucapan *tahniah*

Kajian ucapan *tahniah* merupakan kajian merentas bahasa dan budaya penutur. Kebanyakan kajian lepas tertumpu kepada strategi ucapan *tahniah* terhadap sesebuah peristiwa atau berita gembira secara bersemuka atau tidak bersemuka. Peristiwa secara bersemuka bermaksud ucapan *tahniah* dizahirkan dengan ungkapan lisan secara fizikal antara penutur dengan pendengar dan respons bertulis penutur terhadap situasi gembira yang nyata, manakala ucapan *tahniah* yang dizahirkan secara tidak bersemuka ialah ucapan *tahniah* melalui teks, gambar dan *Graphics Interchange Format* (GIF) yang mempunyai asinkroni dan kuasi-segerak dalam ungkapan. Sorotan kajian ucapan *tahniah* ini diteliti dalam beberapa bentuk penyampaian komunikasi, termasuklah perfileman dan media sosial.

2.1.1 Kajian ucapan *tahniah* secara bersemuka

Kajian lepas berkaitan ucapan *tahniah* yang dijalankan secara bersemuka menunjukkan bahawa ucapan *tahniah* diungkapkan untuk meraikan kegembiraan yang sama terhadap kejayaan orang lain. Dari aspek metodologi, kajian bersemuka tersebut telah menggunakan Ujian Penyelesaian Wacana (UPW) atau *Discourse Completion Test* (DCT). Didapati bahawa terdapat beberapa kajian lepas ucapan

tahniah secara bersemuka mempunyai persamaan kaedah iaitu menggunakan UPW, antaranya kajian Elwood (2004) dan kajian Allami & Nekouzadeh (2011) yang memerlukan respons secara bertulis, iaitu wacana sebagai tindakan terhadap situasi yang diberikan. Responden juga telah menggunakan beberapa bentuk strategi *tahniah* yang sama, meskipun responden terdiri daripada kumpulan penutur yang berbeza.

Elwood (2004) meneliti perbezaan respons penutur yang berbeza bahasa dan budaya terhadap tiga peristiwa gembira yang dikaji. Responden kajian Elwood (2004) melibatkan penutur bahasa Jepun dan bahasa Inggeris sebagai bahasa natif dan bukan bahasa natif. Peristiwa gembira yang dimaksudkan oleh kajian Elwood (2004) ialah peristiwa kejayaan seseorang dan kerjayanya, dan perubahan status sosial seseorang seperti perkahwinan. Kajian tersebut menggunakan pendekatan kuantitatif. Borang ujian wacana diedarkan kepada 135 responden. Ujian yang digunakan ini berbentuk soal selidik yang memerlukan respons dalam bentuk wacana oleh setiap responden terhadap peristiwa gembira yang berbeza, iaitu (i) peristiwa kenaikan pangkat, (ii) perkahwinan, dan (iii) beroleh geran penyelidikan (Elwood, 2004). Jadual 2.1 menunjukkan contoh situasi atau peristiwa gembira yang digunakan dalam kajian ucapan *tahniah* oleh Elwood (2004).

Jadual 2.1 Contoh situasi gembira

Peristiwa 1	<p><i>You've been working for a company for three years. It is announced that a colleague with the same level of experience has just been promoted.</i></p> <p><i>You say to the colleague:</i></p>
Peristiwa 2	<p><i>While shopping at a department store you run into someone you used to live near two years ago.</i></p> <p><i>You: How have you doing?</i></p> <p><i>Former neighbor: Well, my big news is that I got married last month.</i></p> <p><i>You say:</i></p>
Peristiwa 3	<p><i>Your professor has won a prestigious research grant.</i></p> <p><i>You say:</i></p>

(Sumber: Elwod, 2004: 358)

Berdasarkan Jadual 2.1, hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak empat strategi ucapan *tahniah* telah digunakan oleh responden. Strategi tersebut ialah strategi alat peranti ilokusyenari, ungkapan kebahagiaan, permintaan maklumat dan ungkapan pengesahan (Elwood, 2004). Ayat (1) dan (2) merupakan contoh ungkapan respons yang dikategorikan sebagai strategi ucapan *tahniah* oleh penutur Jepun dan Amerika dalam kajian tersebut.

Jadual 2.2 Contoh ungkapan respons dalam kajian Elwood (2004)

Strategi ungkapan kebahagiaan	(1) “I’m so happy for you” (Elwood, 2004: 359)
Strategi permintaan maklumat	(2) “Who’s the lucky man/woman?” atau “Donna hito to kekkon shitan desuka” (Elwood, 2004: 371).

Ayat (1) dan (2) merupakan ungkapan yang lazim digunakan oleh penutur Jepun dalam bahasa Jepun serta penutur Jepun dan Amerika dalam bahasa Inggeris (Elwood, 2004: 359-360).

Elwood (2004) mendapati bahawa penutur bahasa Inggeris Amerika cenderung untuk menggunakan strategi ucapan *tahniah* dengan menyatakan soalan dalam mengekspresikan ucapan *tahniah* seperti ayat (3). Penutur Jepun pula menggunakan strategi komen yang berhubungan dengan penutur sebagaimana dalam ayat (4).

Jadual 2.3 Contoh ungkapan respons dalam kajian Elwood (2004)

Strategi menyatakan soalan	(3) “What do you plan to research?” (Elwood, 2004: 376).
Strategi komen yang berhubungan dengan penutur	(4) “Hopefully I’ll be next” (Elwood, 2004: 364).

Ternyata terdapatnya perbezaan dalam pengungkapan respons ucapan *tahniah* antara kumpulan penutur dan peristiwa yang dikaji. Kedua-kedua perbandingan yang dilakukan menonjolkan perbezaan budaya ungkapan penutur bahasa Jepun dan bahasa

Inggeris Amerika sebagai bahasa natif masing-masing, mahupun bahasa Jepun dan bahasa Inggeris sebagai bahasa asing.

Kajian Allami dan Nekouzadeh (2011) tertumpu kepada sembilan situasi yang berpotensi adanya ujaran tahniah secara bertulis dalam bahasa Parsi kepada penutur Iran.

پاسخگوی گرایی تحقیق حاضر به بررسی نحوه بیان تبریکات افراد می پردازد. لذا از شما تقاضا می شود که سوالات را با دقت و صراحت در چه تمام تر پاسخ دهید. در ضمن تمامی اطلاعات به دست آمده محترمانه بوده و فقط جهت تحقیق دانشگاهی به کار می رود.

اطلاعات عمومی

سین:

1) فرض کنید که برای خرید به بازار رفته اید. به طور اتفاقی به یکی از دوستان صمیمیتان بر می خورید که چند وقتی از او بی خبر بوده اید. زمانی که حال او را جویا می شوید می گوید که دو ماهیست که ازدواج کرده است. با شنیدن این خبر شما می گویید.....

2) فرض کنید که یکی از استادان دانشگاهی که شما در آن تحصیل می کنید و شما آشنایی قبلی با او ندارید به تازگی به عنوان استاد نمونه کشوری برگزیده شده است. در چشم تجلیل از این استاد برای عرض ادب نزد او رفته و می گویید.....

Rajah 2.1 Contoh situasi gembira (Sumber: Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1613)

Rajah 2.1 merupakan contoh situasi gembira yang digunakan dalam Ujian Penyelesaian Wacana (UPW) dalam kajian tersebut. Allami dan Nekouzadeh (2011) tidak menterjemahkan soalan atau contoh situasi yang digunakan, tetapi disebutkan dalam kajiannya bahawa situasi tersebut merangkumi peristiwa perkahwinan, kenaikan pangkat, ulang tahun kelahiran dan graduasi.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat penggunaan strategi yang hampir sama digunakan dalam kajian Elwood (2004) walaupun kedua-dua kajian tersebut menggunakan subjek yang berbeza dari segi bahasa dan budaya. Hasil kajian tersebut telah mengkategorikan strategi alat peranti ilokusionari, ungkapan kebahagiaan, ucapan yang baik, permintaan maklumat dan ungkapan pengesahan yang dimanfaatkan daripada hasil kajian Elwood (2004) (Allami dan Nekouzadeh, 2011).

Jadual 2.4 Contoh ungkapan respons dalam kajian Allami dan Nekouzadeh (2011)

Strategi alat peranti ilokusyenari	(5) “ <i>Tæbrik migæm</i> ” atau “ <i>mobæræk bāše</i> ” (<i>Congratulations</i>) (Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1609).
Strategi ungkapan kebahagiaan	(6) “ <i>Xeyli xošhälæm</i> ” (<i>I'm so happy</i>) (Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1610).
Strategi ucapan yang baik	(7) “ <i>Sæd säl zende bāši</i> ” (<i>Wish you a long life</i>) (Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1611).
Strategi permintaan maklumat	(8) “ <i>Bā ki ezdevaj kærdi?</i> ” (<i>Who did you marry?</i>) (Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1610).
Strategi ungkapan pengesahan	(9) “ <i>Mæn midoonestæm to bærændeh miši</i> ” (<i>I knew that you would be successful</i>) (Allami dan Nekouzadeh, 2011: 1612).

Ayat (5) hingga (9) merupakan contoh ungkapan yang digunakan sebagai strategi ucapan *tahniah* yang telah dianalisis dalam kajian tersebut.

Kedua-dua kajian oleh Elwood (2004) serta Allami dan Nekouzadeh (2011) telah menggunakan Ujian Penyelesaian Wacana (UPW) dalam mendapatkan maklum balas responden terhadap peristiwa gembira atau strategi ucapan *tahniah*. Hal ini bermakna kedua-dua kajian tersebut tidak melihat keadaan sebenar kemungkinan wujudnya ucapan *tahniah* dijalankan. Kekurangan kedua-dua kajian tersebut ialah dapatan yang dianalisis tidak menggunakan kaedah kualitatif seperti temu bual untuk menyokong dapatan kajian kuantitatif. Data ucapan *tahniah* yang digunakan berkemungkinan memberikan makna penyampaian yang berbeza dengan niat asal penutur. Misalnya, ungkapan dalam ayat (2) yang merupakan strategi permintaan maklumat berdasarkan analisis oleh Elwood (2004). Namun begitu, penutur berkemungkinan tidak bermaksud untuk mendapatkan maklumat tersebut. Selain itu, penutur juga berkemungkinan mempunyai niat yang sama atau sebaliknya dalam pengungkapan ucapan yang telah dianalisis, contohnya strategi ucapan yang baik seperti ayat (7) dalam kajian Allami dan Nekouzadeh (2011). Oleh itu, lowongan kajian Elwod (2004) serta Allami dan Nekouzadeh (2011) ini, dengan mengambil kira niat sebenar penutur menyukarkan tujuan sebenar ujaran *tahniah* tersebut dikategorikan sebagai ucapan *tahniah*.

2.1.2 Kajian ucapan *tahniah* dalam kandungan skrip filem

Kajian ucapan *tahniah* juga telah dikaji daripada filem berbahasa Parsi dan bahasa Inggeris. Pishghadam dan Morady Moghaddam (2011) telah meneliti ungkapan *tahniah* dalam 100 buah filem yang dilakukan oleh penutur natif bahasa Parsi dan bahasa Inggeris dengan formula semantik. Filem-filem tersebut merupakan filem terbitan negara Iran. Formula semantik yang digunakan adalah dengan (i) menyatakan peristiwa (*mentioning the occasion*), (ii) meluahkan perasaan (*expressing feeling*), dan (iii) pernyataan ketuhanan (*divine statement*) (Pishghadam dan Morady Moghaddam, 2011). Kajian tersebut telah memperlihatkan perbandingan bahasa dalam budaya dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui ujian *Chi-Square*. Data ucapan *tahniah* diperoleh daripada dialog atau perbualan yang melibatkan ucapan *tahniah*. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi *tahniah* yang digunakan oleh pelakon-pelakon dalam filem tersebut adalah dengan mengucapkan *tahniah*, menyatakan peristiwa, menyatakan ungkapan ketuhanan dan meluahkan perasaan (Pishghadam dan Morady Moghaddam, 2011: 143). Ayat (10) dan (11) di bawah merupakan contoh ungkapan yang digunakan oleh penutur dalam filem yang dikaji.

Jadual 2.5 Contoh ungkapan respons dalam kajian Pishghadam dan Morady Moghaddam (2011)

Menyatakan peristiwa	(10) “ <i>Congratulation for having a son at your age</i> ” (Pishghadam dan Morady Moghaddam, 2011: 140).
Meluahkan perasaan	(11) “ <i>I am so happy for you</i> ” (Pishghadam dan Morady Moghaddam, 2011: 140).

Ujian *Chi-Square* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara budaya penutur bahasa Parsi dan bahasa Inggeris. Penutur bahasa Parsi lebih cenderung mengucapkan *tahniah* dan mendoakan keberkatan, manakala penutur bahasa Inggeris terdorong untuk menyatakan peristiwa, meluahkan perasaan dan mendoakan keberkatan berbanding strategi-strategi yang lain (Pishghadam dan

Morady Moghaddam, 2011: 144-145). Hal yang demikian menunjukkan bahawa penutur bahasa Parsi mengamalkan budaya asal dalam pertuturan yang membawa makna pragmatik. Penutur bahasa Inggeris pula menzahirkan budaya individualisme yang mempunyai kepentingan kepada perasaan dan hubungan penutur (Pishghadam dan Morady Moghaddam, 2011: 145).

Keseluruhan kajian Pishghadam dan Morady Moghaddam (2011) menjelaskan adanya perbezaan antara dua kumpulan penutur bahasa yang berbeza dalam mengungkapkan ucapan *tahniah*. Kedua-dua kumpulan penutur bahasa Parsi dan bahasa Inggeris telah menerapkan budaya yang menzahirkan makna pragmatik secara semula jadi dan nilai perasaan serta hubungan dalam pengungkapan ucapan *tahniah* tersebut.

2.1.3 Kajian ucapan *tahniah* yang menggunakan *Facebook*

Kajian ini juga menyoroti kajian lepas berkaitan ucapan *tahniah* yang digunakan media sosial secara atas talian, iaitu *Facebook*.

Kajian Jahangard, Khanlarzade dan Latifi (2016) berfokus kepada ucapan *tahniah* dalam status *Facebook* berkenaan ulang tahun kelahiran. Kajian tersebut membincangkan perbandingan dalam penggunaan ucapan *tahniah* dengan menggunakan ujian *Chi-Square* antara penutur Parsi dan Amerika (Jahangard et al., 2016). Terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan penutur dalam mengekspresikan ucapan *tahniah* berkaitan ulang tahun kelahiran di *Facebook*. Hasil kajian menunjukkan bahawa penutur bahasa Parsi dan penutur bahasa Inggeris Amerika, majoritinya menggunakan strategi alat peranti ilokusionari dan ucapan yang baik dalam kajian (Jahangard et al., 2016).

Jadual 2.6 Contoh ungkapan respons dalam kajian Jahangard et al. (2016)

Strategi ucapan yang baik	(12) (a) “I hope you achieve all your beautiful wishes” (Jahangard et al., 2016: 131). (b) “Wishing you a healthy and very happy day” (Jahangard et al., 2016: 131).
---------------------------	---

Ayat (12a) di atas merupakan contoh yang digunakan oleh penutur bahasa Parsi, manakala ayat (12b) pula dituturkan oleh penutur bahasa Inggeris Amerika. Kedua-dua contoh ayat tersebut telah dikategorikan sebagai strategi ucapan yang baik (Jahangard et al., 2016: 131).

Selain itu, kajian yang menggunakan *Facebook* juga telah dijalankan ke atas penutur Arab Saudi dengan meneliti ucapan *tahniah* dalam 11 situasi gembira (Mahzari, 2017). Contohnya, kajian tersebut memperlihatkan ucapan *tahniah* yang diekspresikan dalam peristiwa kelahiran cahaya mata, pencapaian dalam pendidikan, perkahwinan dan kenaikan pangkat. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 23 strategi ucapan *tahniah* secara verbal dan 38 jenis emoji telah digunakan (Mahzari, 2017). Dengan menggunakan teori kesantunan Brown dan Levinson (1987) serta teori Maksim Kesantunan Leech (2007), terdapat empat strategi ucapan *tahniah* yang dominan digunakan, iaitu alat peranti ilokusionari, ucapan yang baik, pujian dan pernyataan yang menunjukkan keadaan (Mahzari, 2017). Ayat (13) di bawah merupakan terjemahan ungkapan yang digunakan oleh penutur Arab Saudi dalam ruangan komen di *Facebook*.

Jadual 2.7 Contoh ungkapan respons dalam kajian Mahzari (2017)

Gabungan strategi alat peranti ilokusyenari dan ucapan yang baik	(13) “A thousand congratulations. May Allah make her among the newborns of happiness” (Mahzari, 2017: 126).
--	---

Kajian lepas yang menggunakan *Facebook* sebagai platform telah menunjukkan penggunaan ucapan *tahniah* secara verbal, iaitu tulisan dan bukan

verbal dengan penggunaan emoji untuk mengekspresikan *tahniah*. Walau bagaimanapun, kajian ucapan *tahniah* dalam peristiwa ulang tahun kelahiran dalam *Facebook* oleh Jahangard et al. (2016) telah mengadaptasikan dapatan kajiannya dengan menggunakan taksonomi yang digunakan dalam kajian-kajian lepas, termasuklah kajian perbandingan budaya dalam lakuan bahasa *tahniah* oleh Elwood (2004) serta Pishgadam dan Morady Moghaddam (2011). Analisis dapatan dengan mengaplikasikan taksonomi ini tidak dapat menguatkan hujah dari sudut teori pragmatik khususnya.

Kelima-lima kajian lepas berkenaan kajian ucapan *tahniah* telah dianalisis daripada respons penutur atau subjek terhadap sesebuah peristiwa gembira yang memungkinkan adanya maklum balas ucapan *tahniah*. Kajian oleh Elwood (2004) telah dimanfaatkan dalam kajian-kajian lepas yang lain dalam menganalisis dapatan kajian. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian-kajian tersebut tidak menggunakan teori linguistik yang jelas, misalnya teori pragmatik untuk menganalisis dapatan kajian. Walau bagaimanapun, dapatan kajian tersebut dapat dijadikan panduan kepada pengkaji untuk meneliti respons pengguna *Facebook* Melayu terhadap ucapan *tahniah* sesebuah peristiwa gembira dalam kajian ini.

2.2 Kajian lakuan bahasa

Melalui kajian yang disoroti, banyak kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk lakuan bahasa yang dikaji dalam pelbagai konteks secara khusus. Misalnya, ujaran ilokusi dalam konteks bilik darjah adalah berbeza dengan konteks dalam talian seperti *Facebook*. Kajian lakuan bahasa di Malaysia agak meluas. Oleh itu, pengkaji meneliti kajian-kajian lepas berkenaan lakuan bahasa dalam bahasa Melayu di Malaysia untuk memperlihatkan cara orang Melayu menggunakan lakuan

bahasa dalam pertuturan. Bahagian ini membincangkan lakuhan bahasa secara bersemuka, kandungan teks dan dalam talian.

2.2.1 Kajian lakuhan bahasa secara bersemuka

Dalam kajian lakuhan bahasa secara bersemuka menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah yang digunakan, antaranya ialah kaedah lapangan yang memerlukan rakaman dan transkripsi data. Kaedah yang digunakan tersebut selari dengan konteks lakuhan bahasa yang dikaji.

Kajian lakuhan bahasa ini telah dikaji dalam konteks penggunaan lakuhan pertuturan dalam mesyuarat oleh Amir dan Zaitul Azma (2015). Kajian ini telah menggunakan kaedah lapangan, rakaman dan transkripsi yang melibatkan lima sesi mesyuarat dan hasil kajiannya menunjukkan bahawa terdapat empat jenis lakuhan bahasa yang digunakan semasa mesyuarat (Amir dan Zaitul Azma, 2015). Contohnya, lakuhan pengakuan (mohon maaf, simpati, terima kasih dan sapaan), lakuhan arahan (permintaan, pertanyaan dan nasihat), lakuhan pengumuman (ramalan, makluman dan pernyataan) dan lakuhan perjanjian (janji dan tawaran) (Amir dan Zaitul Azma, 2015).

Lakuhan bahasa arahan dan pengumuman dikategorikan dengan penggunaan paling dominan dalam lima sesi mesyuarat (Amir dan Zaitul Azma, 2015). Di samping itu, kajian ini mendapati bahawa terdapat juga penggunaan lakuhan pengucapan tahniah dalam mesyuarat yang disampaikan sebagai bentuk pengakuan dan dilakukan pada awal mesyuarat (Amir dan Zaitul Azma, 2015). Contoh (14) menunjukkan penggunaan lakuhan pengucapan *tahniah* dalam mesyuarat.

Jadual 2.8 Contoh ungkapan lakuhan bahasa dalam kajian Amir dan Zaitul Azma (2015)

Lakuhan pertuturan pengakuan tahniah (Amir dan Zaitul Azma, 2015: 51)	(14) P : ok, terima kasih ustaz.... A : sama-sama P : ...dan pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat datang dan <u>tahniah</u> kepada Encik kerana telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah IPG Kampus Rajang, berkuat
---	--

Berdasarkan perbualan dalam contoh (14) di atas, analisis oleh Amir dan Zaitul Azma (2015) menunjukkan bahawa ucapan tahniah dalam mesyuarat yang disampaikan oleh pengurus berfungsi sebagai tanda penghargaan kepada ahli-ahli mesyuarat atas kehadiran mereka dan menjalankan tugas. Dapatan kajian Amir dan Zaitul Azma (2015) memperlihatkan bahawa adanya penemuan tentang pengucapan *tahniah* dalam bahasa Melayu. Oleh sebab kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan hanya terdapat 14 data ucapan *tahniah* yang melibatkan lima sesi mesyuarat serta, maka kajian ini hanya dapat memberikan gambaran awal pengucapan *tahniah* berlaku secara bersemuka yang disampaikan dalam mesyuarat. Namun begitu, dapatan kajian tersebut tidak dapat memberikan generalisasi bahawa pengucapan *tahniah* dalam mesyuarat merupakan strategi pengucapan *tahniah* penutur Melayu memandangkan kajian tersebut tidak mengambil kira faktor bahasa, umur dan bangsa mereka yang terlibat dalam kelima-lima sesi mesyuarat.

Selain itu, Muhammad Zuhair (2017) telah mengenal pasti bentuk lakukan ilokusi dan jenis lakukan gramatis guru dalam pengajaran bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan kerangka fenomenologi hermeneutik terhadap tiga rekod audiovisual pengajaran bahasa Melayu dengan menggunakan teknik analisis dokumen yang ditranskripsikan dan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan pragmatik oleh Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan yang membahaskan pengkategorian lakukan ilokusi dan fungsi lakukan ilokusi tersebut. Dapatan menunjukkan terdapat penggunaan lakukan ilokusi untuk bersaing, beramah tamah dan berkolaboratif (Muhammad Zuhair, 2017: 201-203).

Jadual 2.9 Contoh ungkapan lakuan ilokusi dan fungsinya dalam kajian Muhammad Zuhair (2017)

Fungsi bersaing	(15) Lakuan gramatis : Meminta Lakuan ilokusi : Arahan Ujaran : “Tulis je, takpa!”
Fungsi beramah tamah	(16) Lakuan gramatis : Memuji Lakuan ilokusi : Ekspresif dan Arahan Ujaran : “Tepat jawapan kamu, tetapi sebelum berlakunya banjir apa yang terjadi?”
Fungsi berkolaboratif	(17) Lakuan gramatis : Menyatakan Lakuan ilokusi : Penegasan dan Arahan Ujaran : “Satu minit lagi! A belum, B pun belum.”

Ujaran (15) hingga (17) merupakan contoh dapatan kajian yang terdapat dalam kajian Muhammad Zuhair (2017) yang dikategorikan kepada jenis lakuan gramatis dan bentuk lakuan ilokusi yang berikut. Berdasarkan ketiga-tiga fungsi yang dianalisis, guru lebih cenderung menggunakan fungsi bersaing dalam penggunaan lakuan ilokusi dan lakuan gramatis dalam pengajaran bahasa Melayu. Muhammad Zuhair (2017) menyatakan bahawa fungsi tersebut menunjukkan sikap tidak mesra pelajar, namun menjadi salah satu strategi kesopanan negatif yang dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk mengawal kelas dan arahan kepada pelajar-pelajar mereka, manakala kedua-dua fungsi beramah tamah dan berkolaboratif kurang menyerlah yang terdorong kepada strategi kesopanan positif dan kesopanan tidak relevan (Muhammad Zuhair, 2017: 204). Misalnya, fungsi beramah tamah digunakan untuk berjanji, memuji dan mempelawa, manakala fungsi berkolaboratif kebanyakannya digunakan dalam wacana bertulis.

Muhammad Zuhair (2017) juga mengkategorikan ujaran yang mempunyai pelbagai fungsi ilokusi dengan gabungan bentuk lakuan ilokusi. Contohnya, fungsi beramah tamah dan bersaing serta fungsi berkolaboratif dan bersaing. Kepelbagaiannya fungsi ilokusi ini telah menggunakan dua bentuk lakuan ilokusi.